

22 MAR 2002

Jerman-Rangkuman/I

MALAYSIA TUNGGU KEDATANGAN PELANCONG JERMAN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

BERLIN, 22 Mac (Bernama) -- Usaha gigih yang dicurahkan para anggota perwakilan Malaysia yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi memperkenalkan Malaysia kepada rakyat Jerman sepanjang lawatan tiga hari mereka ke negara ini, dapat dilihat dengan jelas oleh semua pihak.

Sebaik menjejakkan kaki di negara ini, jadual kunjungan mereka diisi dengan seminar perniagaan, pertemuan pada waktu makan tengah hari, sesi bertukar-tukar pendapat dengan tokoh-tokoh Jerman, jamuan malam dan kunjungan ke syarikat-syarikat terkemuka.

Perdana Menteri memulakan peranan pentingnya sebaik tiba di Munich pada Isnin dengan menyampaikan ucap tama pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman bagi menerangkan hasrat Malaysia kepada hadirin sambil menjemput mereka melabur di Malaysia.

Beliau melakukan perkara yang sama di sini semasa mengadakan pertemuan dengan anggota-anggota Persekutuan Persatuan Industri Jerman dan Persatuan Perniagaan Jerman Asia-Pasifik.

Bukan mudah bagi negara kecil seperti Malaysia menjual sesuatu kepada negara seperti Jerman yang sering dianggap sebagai negara yang memberi keutamaan kepada Eropah. Bagaimanapun tugas ini telah dilaksanakan dengan mudah dan penuh yakin oleh Dr Mahathir.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata hanya baru-baru inilah kita merasakan Jerman mula memandang Asia disebabkan oleh faktor China.

Rafidah berkata walaupun sudah beberapa kali berkunjung ke Jerman, beliau mendapati maklumat tentang negara seperti Malaysia tidak banyak terdapat di sini berbanding di tempat-tempat lain.

Itulah sebabnya beliau menganggap kunjungan kali ini telah mencatat kejayaan kerana ia merupakan kunjungan yang mempunyai fokus tertentu.

"Kami menemui sektor perniagaan, kami berjumpa dengan mereka yang terlibat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, kami berjumpa dengan pemimpin pendapat dan anggota-anggota Parlimen serta senator kita pula menemui rakan sejawatan mereka manakala ahli perniagaan menemui rakan niaga mereka.

"Dengan lain perkataan, kami mengadakan perjumpaan dengan sebanyak mungkin kumpulan dan sektor, semuanya dalam tempoh yang singkat. Tak ada makan anginlah. Sebenarnya tiada masa langsung untuk perkara-perkara lain," katanya.

Selain Rafidah, rombongan Malaysia dianggotai Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo; Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam; enam anggota Parlimen dan anggota-anggota sektor swasta.

Dr Mahathir juga diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Sebelum ke Jerman, beliau mengunjungi Rusia dan berlepas dari Berlin ke Warsaw pada Khamis untuk memulakan lawatan ke Poland.

Perdana Menteri telah menggunakan sepenuhnya kesempatan yang ada semasa berada di Munich dan di sini untuk memasarkan Malaysia sebagai pusat pelaburan menarik yang memberi penekanan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bidang kejuruteraan.

Beliau juga menjelaskan tentang kelebihan Koridor Raya Multimedia Malaysia, sebuah kawasan seluas 750 km di selatan Kuala Lumpur yang

diwujudkan khusus sebagai pusat pembangunan dan perkhidmatan multimedia yang sehingga kini telah menarik kira-kira 640 syarikat.

Seperti biasa, Dr Mahathir telah mengemukakan pandangan beliau serta Malaysia baik pada seminar perniagaan atau perjumpaan peribadi, mengenai pelbagai topik seperti globalisasi, iklim ekonomi Malaysia, kemunculan China, Asean, Islam dan umatnya serta keganasan.

Pada satu majlis, Perdana Menteri telah memperlihatkan kemahiran serta kebijaksanaannya semasa "menangani" nasihat seorang warga Jerman, peserta forum perniagaan di Munich yang meminta Malaysia supaya tidak terlalu ghairah menjadi sebuah negara industri dengan membelakangi kualiti alam sekitar.

"Anda berhak melahirkan pendapat, tapi Malaysia perlu mencari wang untuk rakyatnya," kata Dr Mahathir sebagai membalas hujah peserta berkenaan.

Beberapa jawapan yang diberikan Dr Mahathir telah mendapat tepukan gemuruh daripada para peserta umpamanya apabila beliau berkata orang yang mengutuk Malaysia kerana mengamalkan langkah-langkah tidak bersifat ortodoks bagi menstabilkan kedudukan kewangan dan ekonominya semasa memuncaknya krisis kewangan serantau suatu ketika dulu, sebenarnya adalah orang yang sama, yang kini melangani bon yang dikeluarkan Malaysia.

Semasa mengadakan perbincangan dengan Canselor Jerman Gerhard Schroder di sini dalam cuaca sejuk yang diiringi hujan renyai pada Rabu, Dr Mahathir menjelaskan dengan panjang lebar tentang perkembangan dunia Islam serta langkah-langkah yang diambil Malaysia bagi membendung ancaman keganasan.

Beliau juga menerangkan bahawa Malaysia berminat memupuk hubungan kerjasama yang lebih erat dengan Jerman dalam bidang pendidikan bagi memanfaatkan sistem pendidikan bebas serta pendekatan menarik terhadap latihan vokasional yang terdapat di negara ini.

Satu peristiwa lucu berlaku semasa berlangsungnya sidang media bersama yang dihadiri kedua-dua pemimpin berkenaan selepas mereka mengadakan perbincangan di pejabat Schroder yang terletak di Federal Chancellery Complex di Berlin.

Majlis itu bermula dengan baik apabila Schroder membuat kenyataannya diikuti kenyataan ringkas oleh Dr Mahathir mengenai hasil pertemuan mereka, diikuti dengan satu soalan yang ditujukan kepada Perdana Menteri oleh seorang daripada wartawan Malaysia.

Bagaimanapun, sebelum anggota media dari Malaysia dan Jerman mengemukakan soalan seterusnya, Schroder mengucapkan terima kasih dan majlis itupun berakhir.

Seorang wartawan Malaysia bersugut mengenai perkara itu dengan berkata setelah melalui penerbangan selama 14 jam untuk sampai ke Jerman, sekurang-kurangnya Schoder berilah peluang kepada wartawan untuk mengemukakan beberapa soalan lagi pada majlis itu.

Seorang anggota rombongan Malaysia pula tertanya-tanya adakah tindakan Schoder itu bertujuan mengelak soalan sensitif yang akan dikemukakan oleh wartawan tempatan memandangkan pilihan raya Jerman akan diadakan hujung tahun ini.

Bagaimanapun Dr Mahathir berjaya mengubati kekecewaan para wartawan Malaysia apabila beliau memberitahu mereka kemudiannya bahawa pengeluar kereta terkemuka Jerman, BMW, telah memilih Malaysia sebagai pusat operasinya bagi rantau Asia.

Perdana Menteri juga sempat memainkan peranan sebagai Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan pada satu majlis apabila beliau berkata Malaysia mampu menarik lebih ramai pelancong Jerman memandangkan tahun lepas hanya kira-kira 70,000 daripada mereka melawat Malaysia.

Semasa menjemput ahli-ahli perniagaan Jerman melawat Malaysia untuk melihat sendiri apa yang terdapat di sana, Dr Mahathir berkata

sekurang-kurangnya mereka dapat menikmati percutian yang menarik di sebuah negara yang separuh daripadanya masih dipenuhi hutan semulajadi.

Rafidah pula melahirkan harapan agar syarikat penerbangan Jerman, Lufthansa menyambung kembali penerbangannya ke Kuala Lumpur bagi memudahkan pergerakan rakyat dari kedua-dua negara.

Semasa di sini, Dr Mahathir juga merasmikan Kedutaan Malaysia dalam satu majlis meriah yang turut diiringi paluan kompang dan perarakan bunga manggar manakala para hadirin diberi layanan mengikut cara Malaysia sambil dihidangkan jamuan istimewa, nasi di dalam tempurung kelapa.

"Saya harap rakyat Jerman tidak menganggap kita masih lagi makan dengan cara ini di Malaysia," celah seorang ahli perniagaan dari Kuala Lumpur yang menghadiri majlis itu.

Kunjungan ke Berlin tidak akan sempurna jika seseorang itu tidak melawat bekas Tembok Berlin yang telah memisahkan Berlin Timur dan Berlin Barat sehinggalah pada 1990.

Inilah yang dilakukan Dr Mahathir serta anggota rombongan lain semasa mengunjungi bandar penuh bersejarah itu termasuk mengadakan lawatan ke Potsdamer Platz yang merupakan sebuah kawasan paling sibuk di Eropah pada tahun-tahun 1920an sebelum musnah akibat perang dan terbiar tanpa sebarang pembangunan sehingga beberapa dekad kemudiannya.

-- BERNAMA

MAM AHH SP RON